

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	24 September 2015

Jika ada keperluan, baru panggil Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 23 Sept. - "Jika ada keperluan, polis akan panggil semua personaliti-personaliti yang terlibat termasuk Tun M."

Demikian kata Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Noor Rashid Ibrahim ketika ditanya tentang bila tindakan akan diambil terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai ucapannya dalam satu perhimpunan haram, baru-baruini.

Mengulas lanjut, Noor Rashid menyatakan, pihaknya masih melakukan siasatan rapi berhubung perkara itu sebelum tindakan memanggil dan merekod keterangan Dr. Mahathir dilakukan.



NOOR RASHID IBRAHIM



DR. MAHATHIR MOHAMAD

"Semua kes mengenai perhimpunan Bersih atau Merah kita beri keutamaan untuk dijalankan siasatan dan sekarang yang menentukan adalah masa sa-

haja, untuk kita memanggil sesiapa sahaja.

"Setakat ini, polis belum ada keperluan untuk temu bual beliau (Dr. Mahathir) lagi dan jika ada keperluan, kita akan buat," katanya selepas Majlis Pemakaian Pangkat di Bukit Aman, di sini hari ini.

Ditanya tentang siasatan berhubung kes itu, beliau menjelaskan, siasatan masih dijalankan dan enggan mengulas lanjut.

Sebelum ini, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar memberitahu, negarawan itu akan dipanggil untuk membantu siasatan berhubung ucapannya pada perhimpunan Haram Bersih 4.

Dalam perkembangan lain, Noor Rashid berkata, setakat ini masih belum ada pihak dari luar negara yang memohon untuk mendapatkan maklumat daripada PDRM berhubung kes Malaysia Development Berhad (IMDB). "Saya tidak pasti dengan laporan berhubung siasatan Jemaah Juri Amerika Syarikat betul atau tidak kerana pihak terbabit tidak mencari PDRM. Jika ada, salah satu agensi yang dihubungi adalah PDRM katanya.

Sementara itu, mengulas tentang perhimpunan di kawasan Petaling Street di sini beliau memberitahu, tindakan-tindakan yang perlu telah dilakukan dan PDRM masih belum menerima sebarang permohonan daripada pihak penganjur.